



Pemain Lakidundee kelihatan **ceria** selepas muncul juara Kejohanan Bola Lisut Jemputan Politeknik 2013 di Dungun, semalam.

Lakidundee juara bola lisut politeknik

Dungun: Kelab Lakidundee dari Jakarta, Indonesia muncul juara Kejohanan Bola Lisut Jemputan Politeknik, kategori lelaki bawah 25 tahun, menewaskan Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan mata 7-4 dalam aksi final, semalam.

Lakidundee yang dibarisi mahasiswa Universiti Kendari, Sulawesi sebelum itu menewaskan PSMZA dengan mata 3-1 di saingan separuh akhir manakala UPM menumpaskan Universiti Teknologi Mara (UiTM) dengan mata 5-3 dalam saingan

membabitkan 12 pasukan.

Selaku juara, mereka meraih wang tunai RM1,000, piala iringan serta pingat, manakala UPM menerima wang tunai RM500, piala iringan dan pingat. Pasukan PSMZA pula muncul tempat ketiga manakala Universiti Teknologi Mara (UiTM) di tempat keempat.

Pertarungan lima pasukan bagi kategori wanita pula menyaksikan hasrat satu lagi pasukan kelab dari Jakarta, Prambros untuk mengikut jejak pasukan Kelab Lakidundee

musnah apabila mereka tumpas kepada pasukan UiTM dengan mata 2-7.

Ukur keupayaan

Pengarah Bahagian Kokurikulum dan Latihan Kerjaya Politeknik, Mohd Ghaus Ab Kadir, yakin kejohanan itu mampu menjadi platform terbaik bagi pasukan di institusi pengajian tinggi (IPT) mengukur keupayaan sebelum menyertai Sukan IPT (SUKIPT), tahun depan.

Katanya, pembabitan dua

pasukan gergasi dari Indonesia - Lakidundee dan Prambros juga mampu menyuntik semangat berganda kepada pasukan IPT menjelang SUKIPT.

"Aspek kecergasan juga perlu diberi penekanan untuk mencapai kualiti dan produktiviti yang berterusan berseesuaian dengan cabaran era masa kini," katanya majlis penyampaian hadiah di Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin (PSMZA), di sini, semalam.

- Oleh Rosli Ilham